



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DASAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

	MUKA SURAT
<b>KANDUNGAN</b>	<b>2</b>
1.0 Pengenalan	3
2.0 Objektif	3
3.0 Skop	3
4.0 Tanggungjawab	3
5.0 Dokumen Berkaitan	4
6.0 Tafsiran	4 - 5
7.0 Pernyataan Dasar Penyelidikan, Inovasi dan Perundingan	5
7.1 Keperluan Untuk Menjalankan Penyelidikan	5 - 6
7.2 Keperluan untuk Menjalankan Inovasi dan Perundingan	
7.3 Strategi Pelaksanaan Dasar Penyelidikan Dan Inovasi	6
7.4 Hasil ( <i>Output</i> ) Penyelidikan Dan Petunjuk Prestasi	6
7.5 Hak Harta Intelek	6
7.6 Etika Penyelidikan	6
7.7 Pengurusan Penyelidikan Universiti	7
7.8 Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Universiti Malaysia Sabah	7
8.0 Peruntukan Am	8
9.0 Appendiks	8
Lampiran 1 – Terma Rujukan Berkaitan Strategi Pelaksanaan Dasar Penyelidikan dan Inovasi	9 - 10
Lampiran 2 – Hasil ( <i>Output</i> ) Penyelidikan dan Petunjuk Prestasi	11
Lampiran 3 – Etika Penyelidikan	12 - 16

# **DASAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

## **UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

### **1.0 PENGENALAN**

Dasar Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaysia Sabah merupakan satu dokumen yang menyediakan rangka kerja untuk pembangunan budaya penyelidikan yang berinovasi di Universiti Malaysia Sabah bagi menjadi peneraju penyelidikan dalam semua bidang tujuan Universiti serta meningkatkan hasil penyelidikan secara kuantitatif dan kualitatif bertaraf antarabangsa.

Universiti Malaysia Sabah bertekad untuk menjadi salah satu Universiti Komprehensif terunggul di Malaysia dan bertaraf dunia. Universiti Malaysia Sabah juga komited dalam membangun dan menyokong semua aktiviti penyelidikan dan inovasi bagi menghasilkan produktiviti dan kualiti yang tinggi dalam konteks persekitaran dan aspirasi pembangunan masyarakat dan negara selaras dengan visi dan misi Universiti Malaysia Sabah.

### **2.0 OBJEKTIF**

Tujuan utama dasar ini disediakan adalah untuk menjadi garis panduan kepada pihak Pengurusan Universiti serta kakitangan akademik Universiti mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam proses pembudayaan penyelidikan dan inovasi di Universiti Malaysia Sabah. Objektif dasar ini adalah untuk:

- (a) Memperkasa dan membudayakan penyelidikan yang berinovasi dan berimpak tinggi.
- (b) Mempertingkatkan kolaborasi penyelidikan dalam pelbagai bidang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- (c) Mempergiat dan memperkuuhkan jalinan usahasama di antara Universiti dan industri serta komuniti setempat.
- (d) Mempertingkatkan usaha pengkomersilan dan perundingan profesional untuk penjanaan pendapatan Universiti.

### **3.0 SKOP**

Dasar ini merangkumi semua proses yang berkaitan dengan pelaksanaan dan pengurusan penyelidikan, hasil penyelidikan, aktiviti usahasama (kolaborasi), perundingan serta aktiviti pengkomersilan di Universiti Malaysia Sabah.

## **4.0 TANGGUNGJAWAB**

Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bertanggungjawab dalam memastikan dasar ini dipatuhi dan diimplementasi.

## **5.0 DOKUMEN BERKAITAN**

Dokumen yang dirujuk bersama dasar ini adalah seperti berikut:

- (a) Akta Universiti & Kolej Universiti 1971.
- (b) *Occupational Safety and Health Act 1994 (OSHA)*.
- (c) Polisi Harta Intelek.
- (d) Kod Etika Akademik UMS.
- (e) Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan UMS.
  - i. Garis Panduan Pengenaan Kos bagi Projek Penyelidikan.
  - ii. Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan UMS (SGPUMS).
  - iii. Garis Panduan Skim Geran Bantuan Penyelidikan Pelajar Pascasiswazah (UMSGreat).
  - iv. Garis Panduan Geran Kolaborasi Penyelidikan dengan Institusi Luar.
  - v. Garis Panduan Skim Geran Inovasi UMS (SGIUMS).
- (f) Garis Panduan Pengurusan Persidangan UMS.
- (g) Pekeliling/Surat Pekeliling Bendahari yang berkuatkuasa.
- (h) Tatacara Perolehan Universiti Bagi Aktiviti Yang Menggunakan Dana Penyelidikan.
- (i) Garis Panduan Pasca Doktoral di UMS.
- (j) *Researcher's Guidelines on Code of Practise For The Care and Use of Animals For Scientific Purposes*.
- (k) Garis Panduan Pembiayaan Yuran Penerbitan Artikel Dalam Jurnal.

## **6.0 TAFSIRAN**

**“Penyelidikan”** merupakan suatu kajian sistematik ke atas bahan dan sumber dalam pelbagai bidang dalam usaha mewujudkan fakta dan ilmu pengetahuan baharu. Ia membabitkan pelbagai bidang merangkumi penemuan penyelidikan sains dan sains sosial, penerbitan, penciptaan, pengembangan atau penambahbaikan secara konseptual dan teoritikal, teknikal atau komposisi atau meningkatkan pemahaman semasa melalui penganalisaan kritis.

**“Penyelidik”** bermaksud kakitangan atau pelajar yang menjalankan penyelidikan.

**“Kakitangan”** bermaksud mana-mana orang yang dilantik oleh Universiti di bawah Perlembagaan Universiti dan mana-mana Statut lain termasuk kakitangan akademik, pegawai, guru, fello penyelidik atau pekerja Universiti.

**“Pelajar”** bermaksud seorang pelajar berdaftar di Universiti.

**“Universiti”** bermaksud Universiti Malaysia Sabah.

**“Perundingan”** bermaksud satu aktiviti yang melibatkan seseorang atau sekumpulan orang untuk memberi perkhidmatan kepakaran atau kemahiran kepada pihak yang memerlukan, sama ada dengan mendapat bayaran atau tanpa bayaran.

**“Perunding”** bermaksud semua kakitangan Universiti yang menjalankan kerja Perundingan.

**“Pengkomersilan”** bermaksud penterjemahan idea menjadi sesuatu yang berupa produk, perkhidmatan, proses atau sistem teratur (*organised system*) yang boleh dipasarkan melalui kaedah perlesenan, penjualan, syarikat terbitan (*spin off*) atau syarikat usahasama.

**“Inovasi”** bermaksud sebagai rekacipta serta implementasi sama ada dalam bentuk proses, produk, perkhidmatan atau kaedah penyampaian yang baharu, yang berupaya meningkatkan hasil, kecekapan, keberkesanan atau kualiti yang signifikan.

**“Harta Intelek”** bermaksud mana-mana Harta Intelek yang dilindungi oleh undang-undang Malaysia yang merangkumi penemuan yang boleh dipatenkan, *knowhow*, Hak Cipta, Rekabentuk Industri, Rekabentuk Susun Atur Litar Bersepadu, Cap Dagang dan Rahsia Dagangan.

## **7.0 PENYATAAN DASAR PENYELIDIKAN, INOVASI DAN RUNDINGAN**

Selaras dengan Visi Universiti Malaysia Sabah untuk menjadi sebuah Universiti berinovatif yang bertaraf dunia. Universiti komited untuk memantapkan penyelidikan, inovasi dan perundingan yang dijalankan di Universiti Malaysia Sabah.

### **7.1 Keperluan Untuk Menjalankan Penyelidikan**

Dalam usaha untuk memenuhi visi yang ditetapkan, Universiti mengambil pendekatan berikut:

- (a) Semua kakitangan akademik dikehendaki menjalankan penyelidikan dan aktiviti kesarjanaan di samping menerbitkan hasil penyelidikan mereka atau mendapatkan perlindungan harta intelek.

- (b) Semua penyelidik dikehendaki memohon dana penyelidikan bagi membiayai penyelidikan mereka.
- (c) Menjalankan penyelidikan adalah merupakan satu keperluan dalam perkembangan kerjaya kakitangan akademik di samping memenuhi tanggungjawab akademik dan pentadbiran.
- (d) Dasar ini tidak boleh digunakan sebagai alasan kepada ketua PTJ daripada mengecualikan tugas pengajaran dan/atau lain-lain tanggungjawab akademik kepada kakitangan di bawah pengawasannya tanpa mendapatkan kelulusan daripada Naib Canselor.

## **7.2 Keperluan untuk Menjalankan Inovasi dan Perundingan**

- (a) Semua kakitangan akademik digalakkan untuk membangunkan inovasi hasil daripada aktiviti penyelidikan.
- (b) Semua kakitangan akademik digalakkan untuk menjalankan perundingan berdasarkan kepakaran masing-masing.

## **7.3 Strategi Pelaksanaan Dasar Penyelidikan dan Inovasi**

Untuk meningkatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi di kalangan kakitangan akademik dengan membangunkan budaya penyelidikan yang kompetitif dan berinovasi di kalangan kakitangan akademik dan pelajar. Universiti mengambil pendekatan berdasarkan strategi-strategi sepertimana dinyatakan dalam Terma Rujukan Strategi Pelaksanaan Dasar Penyelidikan Dan Inovasi (Lampiran 1).

## **7.4 Hasil (*Output*) Penyelidikan dan Petunjuk Prestasi**

Hasil penyelidikan dan petunjuk prestasi bagi hasil penyelidikan dan proses yang berkaitan adalah seperti penerbitan, hak harta intelek, laporan penyelidikan, penyeliaan dan lain-lain yang butirannya dalam Lampiran 2.

## **7.5 Hak Harta Intelek**

Hak Harta intelek merupakan hak-hak yang dilindungi oleh undang-undang khusus yang membolehkan pemilik Harta Intelek tersebut melaksanakan kawalan ekslusif ke atas penggunaan hak-hak tersebut, biasanya dikaitkan dengan tujuan keuntungan komersil. Kaedah-kaedah yang digunakan oleh Universiti adalah seperti yang telah digariskan di dalam buku "Polisi Harta Intelek".

## **7.6 Etika Penyelidikan**

Staf dan pelajar Universiti yang menjalankan penyelidikan perlu mempunyai etika yang tinggi berpandukan buku "Kod Etika Ahli Akademik UMS (Pindaan 2013)" dan Kod Etika Penyelidikan UMS diberikan dalam Lampiran 3.

## **7.7 Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi Universiti**

Aspirasi pengurusan Penyelidikan Universiti adalah untuk memastikan Universiti Malaysia Sabah sebagai sebuah Universiti bertaraf dunia. Pengurusan ini terdiri daripada:

- (a) Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (Pekeliling Pendaftar Bil. 5 Tahun 2017) berperanan sebagai sebuah jawatankuasa yang bertanggungjawab kepada Senat dalam perkara-perkara berkaitan hal-ehwal penyelidikan dan inovasi Universiti.
- (b) Jawatankuasa Penilai Harta Intelek dan Pengkomersilan (Polisi Harta Intelek) berperanan sebagai sebuah jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam perkara-perkara berkaitan hal-ehwal perlindungan harta intelek dan pengkomersilan rekacipta UMS.
- (c) Pusat Penyelidikan dan Inovasi merupakan sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam mengurus, menyelaras dan menyediakan perkhidmatan untuk kejayaan penyelidikan dan inovasi.
- (d) Pusat Tanggungjawab merupakan Jabatan, Fakulti, Pusat, Institut, Unit atau lain-lain Jabatan Utama dalam susunan pentadbiran Universiti yang diberi peruntukan kewangan (Pekeliling Bendahari Bil. 6 Tahun 2011 – Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti Malaysia Sabah (Kuasa, Kawalan Perbelanjaan, Belanjawan dan Perolehan 2016).
- (e) Pusat Kecemerlangan Penyelidikan merupakan Unit/Pusat Kajian Penyelidikan ditubuhkan oleh Universiti untuk menjalankan penyelidikan, inovasi dan perundingan mengikut fungsi unit/pusat.

## **7.8 Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Universiti Malaysia Sabah**

Dalam usaha untuk meningkatkan profil penyelidikan Universiti yang akan menumpukan kekuatan dalam bidang sedia ada di mana Universiti mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut, penubuhan pusat-pusat penyelidikan dan Institut akan dipergiatkan. Ciri-ciri Pusat Penyelidikan dan Institut Kecemerlangan:

- (a) Selaras dengan kepentingan strategik Universiti.
- (b) Mendukung dasar dan strategi penyelidikan Universiti.
- (c) Menunjukkan prestasi penyelidikan atau perkhidmatan profesional berkualiti tinggi.
- (d) Menunjukkan kelestarian dalam penyelidikan dan kewangan.
- (e) Telah diluluskan oleh Senat dan Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah.

## **8.0 PERUNTUKAN AM**

### **8.1 Am**

- (a) Dasar ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat akan berkuatkuasa serta merta.
- (b) Segala perakuan dan/atau kelulusan bagi permohonan dan tuntutan berkaitan dengan dana penyelidikan adalah di bawah kuasa penuh Pusat Penyelidikan dan Inovasi.
- (c) Senat mempunyai kuasa membernarkan apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada kehendak-kehendak dasar ini dari semasa ke semasa.

## **9.0 LAMPIRAN**

- (a) Terma Rujukan Berkaitan Strategi Pelaksanaan Dasar Penyelidikan dan Inovasi (Lampiran 1)
- (b) Hasil (output) Penyelidikan dan Petunjuk Prestasi (Lampiran 2)
- (c) Garis Panduan Etika Penyelidikan Universiti Malaysia Sabah (Lampiran 3)

**TERMA RUJUKAN BERKAITAN STRATEGI PELAKSANAAN  
DASAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

**1. ASPEK PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

Strategi yang diambil dari aspek penyelidikan dan inovasi adalah:

- (a) Memantau dan mengurus ekosistem penyelidikan yang kondusif dan menghalau ke arah penyelidikan pelbagai disiplin.
- (b) Menyediakan, menyelenggara infrastruktur dan kemudahan asas bagi penyelidikan.
- (c) Memperakukan kakitangan akademik untuk menjalankan penyelidikan di dalam dan luar negara.
- (d) Memberikan insentif dan sokongan kepada kakitangan akademik untuk menjalankan penyelidikan di dalam dan luar negara.
- (e) Menyediakan peruntukan kewangan (geran dalaman Universiti) untuk aktiviti penyelidikan.
- (f) Menggalakkan kakitangan turut serta di dalam penyelidikan berkumpulan bagi kemampanan penyelidikan.
- (g) Mengenalpasti kekuatan penyelidikan PTJ bagi mengembangkan bidang tersebut.
- (h) Mengenalpasti dan menyokong perkembangan kepakaran dalam bidang tujuan (*niche area*) dan penerokaan bidang-bidang baru untuk dijadikan antara kekuatan bidang penyelidikan Universiti dan kepentingan negara.
- (i) Membangunkan pusat-pusat penyelidikan sebagai peneraju perkembangan penyelidikan yang dinamik.
- (j) Menjalinkan hubungan dengan pihak awam dan industri bagi tujuan penyelidikan dan inovasi.
- (k) Merangka strategi untuk memastikan peningkatan output penyelidikan melalui bilangan artikel dalam jurnal berindeks dan buku penyelidikan mengikut keperluan *Malaysia Research Assessment (MyRA)*.

- (l) Memberi pengiktirafan dan penganugerahan yang bersesuaian untuk menggalakkan kecemerlangan dalam penyelidikan.

## **2. ASPEK PENGKOMERSILAN/PERUNDINGAN DAN LATIHAN BERKAITAN DENGAN HASIL PENYELIDIKAN**

Strategi yang diambil dari aspek pengkomersilan /perundingan dan latihan berkaitan dengan hasil penyelidikan ialah:

- (a) Menggalakkan kakitangan untuk meningkatkan jalinan kerjasama antarabangsa.
- (b) Mengkomersilkan penemuan penyelidikan dan teknologi yang dihasilkan di Universiti.
- (c) Memberi pendedahan kepada kakitangan Universiti aspek-aspek yang berkaitan dengan perundingan, pengkomersilan, harta intelek serta pemindahan teknologi.
- (d) Mempergiatkan interaksi dalam bidang perundingan dengan industri dan badan-badan profesional.
- (e) Memantapkan perkhidmatan rundingan dan bidang kepakaran penyelidik kepada jabatan kerajaan dan swasta serta badan-badan professional
- (f) Membangunkan kerjasama di antara Universiti-industri dalam pemindahan teknologi, dan latihan serta perkara-perkara yang berkaitan.
- (g) Mengiktiraf kakitangan yang menyumbang dalam penjanaan pendapatan bagi Universiti.
- (h) Menggalakkan perunding yang berpengalaman mewujudkan pelapis di kalangan pensyarah baru bagi memastikan kesinambungan dan memantapkan kumpulan kepakaran.

**HASIL (*OUTPUT*) PENYELIDIKAN DAN PETUNJUK PRESTASI**

1. Penerbitan dalam bentuk jurnal dan prosiding berindeks mengikut keperluan Malaysian Research Assessment (MyRA), buku (karya asli), dan bab dalam buku yang berdaftar di bawah MAPIM (Majlis Penerbitan Ilmiah).
2. Hak harta intelek dan dokumentasi dalam bentuk paten, *know-how*, Hak Cipta, Rekabentuk Industri, Rekabentuk Susun Atur Litar Bersepadu, Cap Dagang dan Rahsia Dagangan.
3. Kertas kerja yang dibentang di persidangan, seminar dan bengkel di peringkat Universiti, kebangsaan dan antarabangsa.
4. Karya kreatif asli seperti dokumentari, skor muzik, persempahan artistik, video dan yang berkenaan.
5. Laporan penyelidikan yang menyumbang kepada penambahbaikan rangka kerja polisi kerajaan atau strategi pengurusan institusi.
6. Pengiktirafan yang diterima bagi hasil penyelidikan.
7. Dana penyelidikan yang berdaftar dengan Universiti dari sumber awam, swasta dan luar negara yang diperolehi.
8. Pengiktirafan kepakaran penyelidik seperti perlantikan sebagai penyunting jurnal, pemeriksa luar, panel pakar dan perunding.
9. Penyeliaan calon pasca siswazah sehingga ke pengijazahan.
10. Penyelidikan dan hasil penyelidikan yang mendapat liputan media masa.
11. Produk/idea penyelidikan yang dilindungi di bawah Harta Intelek yang didaftarkan melalui UMS dan dikomersilkan.
12. Penggunaan hasil penyelidikan dalam pembangunan negara.
13. Laporan kajian/projek perundingan yang disediakan memenuhi terma rujukan dan diperakuan oleh klien.
14. Lain-lain yang berkaitan.

**GARIS PANDUAN  
ETIKA PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**1. PENGENALAN**

- 1.1 Aktiviti penyelidikan adalah merupakan antara kegiatan utama di kalangan ahli akademik bagi sesebuah Universiti. Ianya merupakan aktiviti yang dituntut dari ahli akademik dalam menjalankan tugas mereka agar pengajaran yang disampaikan kepada pelajar sentiasa terkini dari segi teori, kaedah dan juga fakta.

**2. DEFINISI AM**

- 2.1 Etika adalah bermaksud prinsip akhlak yang didasarkan pada sistem nilai yang diterima dalam sesuatu peradaban.
- 2.2 Dalam konteks persekitaran penyelidikan di Universiti, etika dikenal pasti sebagai perilaku yang baik yang patut diikuti berdasarkan sistem nilai Universiti berkenaan yang menolak perilaku yang buruk dalam kerjaya sebagai kakitangan akademik dan juga penyelidik.

**3. ETIKA PENYELIDIKAN**

Etika Penyelidikan adalah bermaksud aspek etika yang merangkumi aspek penyelidikan, penerbitan, persidangan dan perundingan. Mematuhi semua undang-undang dan peraturan seperti yang tersenarai di dalam peraturan penyelidikan UMS.

**3.1 Aspek penyelidikan**

Kakitangan hendaklah:

- (a) Menjalankan penyelidikan mengikut bidang kepakaran/pengkhususan seseorang ahli akademik. Bidang lain yang berkaitan dengan kepakarannya juga digalakkan terutamanya yang dapat mengembangkan bidang penyelidikan tersebut.
- (b) Mendapatkan kelulusan daripada badan-badan berkaitan sama ada di peringkat Universiti, pihak berkuasa tempatan dan lain-lain yang berkaitan.
- (c) Jujur dan ikhlas dari segi objektif dan perancangan penyelidikan.

- (d) Jujur dalam mengumpul data, iaitu data tidak dimanipulasi atau direka-reka.
- (e) Merekod semua aktiviti penyelidikan. Contohnya penggunaan buku log dan lain-lain rekod berkaitan.
- (f) Jujur dalam merancang perbelanjaan penyelidikan secara berhemah.
- (g) Jujur dalam menggunakan peruntukan penyelidikan, iaitu tidak menggunakan untuk tujuan-tujuan lain, contohnya untuk percutian atau membeli barang-barang yang tidak berkaitan dengan penyelidikan.
- (h) Jujur dan amanah dalam melaporkan kepada Universiti semua dana yang diterima.
- (i) Jujur dalam mematuhi terma perjanjian berdasarkan peruntukan yang diberikan oleh penyumbang dana.
- (j) Mematuhi kod etika khas berhubung dengan profesion tertentu, seperti pendidikan, perubatan, kejuruteraan, haiwan, akta-akta yang berkaitan dan lain-lain yang meliputi kerahsiaan serta keselamatan di tempat kerja dan negara.
- (k) Menghormati informan atau subjek kajian atau juga kepada penjaga subjek (jika subjek kanak-kanak) dengan memberitahu secara terus terang tujuan kajian dan prosesnya.
- (l) Menghindarkan projek yang dijalankan serupa atau hampir serupa dengan projek yang sedang dijalankan oleh Penyelidik yang lain, kerana perbuatan ini dilihat sebagai mengkhianati rakan berkenaan.
- (m) Memastikan semua kertas cadangan penyelidikan bagi tujuan permohonan geran penyelidikan adalah asli dan bukan daripada hasil plagiat (*plagiarism*).
- (n) Memastikan semua projek penyelidikan yang menggunakan nama Universiti adalah hak milik Universiti.
- (o) Memastikan semua inventori dan peralatan yang dibeli menggunakan geran penyelidikan didaftarkan dengan Universiti dan diserahkan kepada PTJ berkenaan selepas tamat projek penyelidikan dan tidak menjadikannya sebagai harta peribadi.

- (p) Memastikan mendapat kebenaran Universiti sekiranya ingin menjual atau mengkomersilkan hasil, manuskrip atau produk penyelidikan yang dihasilkan.
- (q) Memastikan tidak menyalahgunakan tempoh masa sewaktu menjalankan penyelidikan lapangan/ persidangan/ bengkel sebagai percutian.
- (r) Mematuhi peraturan-peraturan yang berkaitan aktiviti penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

### **3.2 Aspek Penerbitan**

Dalam penerbitan, penulis hendaklah:

- (a) Jujur dari segi bahan yang ditulis, tidak direka-reka atau dimanipulasi dari segi data dan hasil penyelidikan.
- (b) Mematuhi etika penulisan akademik.
- (c) Memberi penghargaan kepada pembiaya dan kepada mereka yang telah memberi apa jua sumbangan ke arah menjayakan penyelidikan.
- (d) Memastikan tidak melakukan sebarang plagiat (*plagiarism*).
- (e) Menghindarkan sikap membesar-besarkan dan membanggakan diri yang tidak pada tempatnya sehingga menjasaskan imej Universiti.
- (f) Menghormati kerahsiaan orang yang memberi maklumat seperti halnya dalam penyelidikan dengan tidak mendedahkan nama individu atau institusi yang terlibat jika diminta oleh mereka.
- (g) Bertanggungjawab ke atas semua artikel/penerbitan yang telah dihasilkan atas nama penyelidik.

#### **3.2.1 Plagiat**

Plagiat merupakan penipuan akademik yang berpuncak dari sikap berdusta, tidak ikhlas, tidak amanah, tidak jujur dan tidak menghormati sesama rakan kesepakaran. Plagiat berlaku apabila idea orang lain diambil tanpa menyebut sumbernya dan dengan itu memberi kesan bahawa idea itu idea sendiri. Keadaan ini boleh berlaku apabila:

- (i) Idea seseorang diambil perkataan demi perkataan dari artikel atau buku yang sudah diterbitkan.
- (ii) Idea seseorang dari artikel atau buku diambil dengan menggunakan perkataan sendiri.
- (iii) Idea seseorang diambil dari perbincangan sama ada dalam persidangan, seminar, forum, ceramah atau perbincangan tidak formal antara dua pihak.
- (iv) Data, diagram, jadual, gambar foto atau apa jua bahan ilustrasi yang berasal dari orang lain diambil seolah-olah kepunyaan diri sendiri.

### **3.3 Aspek Persidangan**

Dalam menjalankan aktiviti ini kakitangan hendaklah:

- (a) Jujur dalam permohonan dan bersifat objektif dalam menghadiri persidangan.
- (b) Jujur dalam menyediakan bajet dan membuat tuntutan menghadiri persidangan.
- (c) Mengemukakan bukti bahawa abstrak dan kertas kerja diterima untuk dibentangkan dalam persidangan.
- (d) Mendapatkan kelulusan pihak Universiti terlebih dahulu sama ada mendapat pembiayaan Universiti/geran penyelidikan atau tanpa pembiayaan Universiti untuk menghadiri persidangan.
- (e) Mendapatkan kelulusan daripada pihak pembiaya bagi geran penyelidikan yang berkaitan terlebih dahulu untuk menghadiri persidangan luar negara mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh pembiaya dari semasa ke semasa.
- (f) Menuju ke destinasi persidangan yang dinyatakan dan bukan menuju ke tempat lain.
- (g) Membentangkan kertas kerja seperti yang dijadualkan dan tidak menarik diri tanpa sebab yang boleh diterima.

- (h) Menghadiri persidangan sepenuh masa, bukan setakat pendaftaran atau satu atau dua sesi sahaja.
- (i) Menjaga nama baik diri sendiri, Universiti dan negara ketika berada di luar negara.
- (j) Memastikan kertas kerja dibentangkan dalam persidangan yang berwibawa dari segi akademik.
- (k) Berkongsi ilmu yang diperolehi daripada persidangan dengan rakan sejawat dan pelajar melalui perbincangan, pembentangan dalam seminar serta menyediakan laporan dan sebagainya.
- (l) Menghindarkan sikap negatif yang boleh menjaskan imej Universiti.

### **3.4 Aspek Perundingan**

Dalam perundingan, kakitangan hendaklah:

- (a) Mendaftarkan projek perundingan yang diperolehi dengan Universiti.
- (b) Mendapatkan kelulusan Universiti dan mematuhi peraturan-peraturan perundingan yang ditetapkan, sebelum memulakan kerja perundingan.
- (c) Memastikan kerja perundingan tidak mengganggu tugas-tugas lain di Universiti.
- (d) Memaklumkan kepada Universiti, pendapatan yang diperolehi dari kerja perundingan.
- (e) Berusaha mendapatkan kerja perundingan berdasarkan kepakaran sendiri atau kepakaran bersama rakan sejawat.
- (f) Memastikan kerja-kerja perundingan dijalankan sehingga selesai dan menjaga nama baik Universiti.

Garis Panduan telah diluluskan dalam  
Mesyuarat LPU UMS kali ke-93  
Bil. 1/2020 pada 17 Mac 2020